

## MUKADIMAH

Kegiatan mengorek dan mencuci pasir secara tidak terkawal sukar dikesan memandangkan lokasinya yang agak tersorok tambahan pula beroperasi di kawasan persendirian.

Terpencil di tebing sungai itu, dikaburi rimbunan pokok tinggi dan penghadang zink membuatkan kawasan di seberang Sungai Klang bertentang dengan Kampung Pasir, Pantai Dalam ini 'hilang' dari pandangan mata.

Minggu ini Skwad Terjah menghidu kegiatan cuci pasir berhampiran Jalan Klang Lama di sini yang didakwa dijalankan secara haram sehingga mencemari Sungai Klang yang juga sebahagian daripada projek *River of Life* di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

## ISU RAKYAT

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**  
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 MEI**

**A**KTIVITI cuci pasir di tebing Sungai Klang di Jalan Klang Lama di sini bukan perkara baharu bagi penduduk Kampung Pasir, Pantai Dalam di seberang sungai itu.

Sisa buangan pasir dapat dilihat dengan jelas di tebing sungai berkenaan, menjadikan ia kawasan terbiar dengan statusnya diragui.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan berkenaan mendapati, terdapat tanda-tanda menunjukkan aktiviti itu berlaku seperti yang didakwa penduduk namun tiada kelibat lori dan jengkaut yang kelihatan.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai **Sudin** berkata, aktiviti demikian berlarutan lebih sedekad dan penduduk sudah lali dengan pemandangan 'tanah tandus' itu.

Katanya, aktiviti mengangkut pasir dilakukan bermula dari tapak korek pasir sebelum ke lokasi untuk proses cucian dan tapisan sebelum sisa dibuang di tebing sungai.

"Bagi penduduk di Kampung Pasir mungkin tidak terjejas tetapi mereka yang sering menggunakan Jalan Klang Lama semestinya terpalit lebih teruk dengan kehadiran lori pengangkut yang keluar dan masuk setiap hari ke jalan utama itu.

"Saya sendiri tidak tahu aktiviti berkenaan adalah haram kerana sudah melihatnya setiap hari tanpa pemantauan mana-mana pihak berkuasa," katanya yang bekerja sebagai pemotong rumput di kawasan itu.

Kerja mencuci pasir di situ terus berlaku dan sekurang-kurangnya 30 buah lori berulang-alik masuk ke kawasan tersebut bagi mengangkut bekalan pasir sungai bagi projek di sekitar ibu negara.

Akibat aktiviti tanpa pengawasan itu, kawasan padang ragut yang sebelum ini mengijau kini menjadi tandus, berlubang-lubang dan struktur tanah di kawasan itu rosak.

## REAKSI

### CUCI PASIR HARAM



"AKTIVITI ini dikhuatiri menyebabkan tebing terhakis dan mendapan di dasar sungai sekali gus

menjadikan sungai tersebut cetek. Apabila hujan lebat turun, paras sungai naik dengan cepat dan seterusnya menyebabkan banjir"

**ZAINUDDIN ABD. AZIZ, 54**  
Kakitangan swasta



"KELIBAT lori yang keluar masuk tanpa mengira waktu cukup bahaya kerana ada antara pemandu

membawa lori terlampau laju. Biasanya kenderaan berat tidak sedar kereta atau kenderaan kecil lain di jalan raya."

**AYNA SHAQIREN AZIZAN, 25**  
Usahawan dalam talian



"AKTIVITI sebegini bukan sahaja mencemari persekitaran malah menjadi ancaman kepada

pengguna jalan raya dan penduduk sekitar yang berdepan pencemaran habuk serta jalan rosak."

**MOHD. RAZLY MOHD. RAFFAY, 26**  
Pelajar

**IMEJ** satelit menunjukkan kawasan berpasir di tebing Sungai Klang berdekatan Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur yang menjadi lokasi sindiket cuci pasir.

# DBKL sita, tutup sementara lokasi tapak

## MAKLUM BALAS

**KUALA LUMPUR 25 Mei** - Tindakan menyita serta menutup sementara akan dikenakan ke atas tapak yang dipercayai menjadi lokasi sindiket mengorek dan mencuci pasir haram di Batu Lima, Jalan Klang Lama di sini.

Pengarah Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mustafa Mohd. Nor berkata, aktiviti mengorek dan mencuci tanah itu dilakukan dalam kawasan tanah persendirian dan tidak mempunyai permit.

Katanya, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan untuk memberi kebenaran dari sudut operasi mengorek dan berkaitan pengambilan hasil galian.

"Permit bagi mengangkut pasir ke dalam dan keluar daripada tapak itu juga tidak dikeluarkan dan DBKL hanya boleh bertindak terhadap lori-lori berkenaan.

"Satu mesyuarat telah dilakukan semalam selepas siasatan dilakukan ke atas tapak berkenaan dan tindakan menyita akan diteliti oleh pihak PTG," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.



**Permit bagi mengangkut pasir ke dalam dan keluar daripada tapak itu juga tidak dikeluarkan dan DBKL hanya boleh bertindak terhadap lori-lori berkenaan."**

**MUSTAFA MOHD. NOR**  
Pengarah Jabatan Penguatkuasa DBKL



Beliau berkata demikian berikutan aktiviti cuci pasir yang didakwa beroperasi secara haram serta menjejaskan kawasan tebing Sungai Klang yang berhampiran dengan pemukiman penduduk di Kampung Pasir, Pantai Dalam di sini.

Menurut Mustafa, aktiviti lori pengangkut keluar masuk daripada tapak memberi ancaman kepada pengguna jalan raya serta mengakibatkan kerosakan jalan akibat kekejaman kenderaan berat tersebut melaluinya.

Katanya, tindakan terhadap pengusaha aktiviti tersebut perlu dilakukan terlebih dahulu dengan mengawasi setiap pergerakan operasi di tapak berkenaan tidak mengancam penduduk sekitar.

## Jangan kerana pasir alam sekitar dikorbankan

**6** jika isu tersebut benar-benar dicanaq atas dasar menjaga kepentingan alam sekitar, maka ia seharusnya diperhalusi agar pertimbangan yang sewajarnya dapat dilakukan.

...di kawasan berkenaan akan berlanjutan. Jika langkah pemuliharaan ke atas tapak-petak tinggalan per lombong tersebut kelak hanya akan mengimpak negara sematamata.

Melihat kepada implikasi-implikasi buruk yang timbul akibat kegiatan per lombongan tersebut, ketidaksihan yang dilakukan ke atas tapak per lombongan itu seharusnya dipertimbangkan kembali. Perkara ini sewajarnya dijabarkan dengan sedalam-dalamnya agar ia mengambil kira kesemua faktor dan adakah semua pihak teresanya alam sekitar, flora serta fauna, masyarakat dan juga negara.

Ika belum pun siap sepenuhnya projek Risa pertama, itu sudah nampak implikasi negatifnya. Jadi, bagaimanakah pula jika diteruskan untuk projek Risa kedua kelak? Ia pastinya akan memberi kesan yang lebih buruk lagi kepada alam sekitar dan ekosistem seluruhnya.

Selubungan itu, dituntut pihak berwajib mengawaliti dan mengawaliti secara ketat projek per lombongan pasir baru-baru. Jangan kerana mengorak yang ringkas sematamata, maka kepentingan alam sekitar dikorbankan.

Sama-samalah kita menungka. Mula-mula adalah kita menjadi seorang insan yang tahu diri 'berbayar'.

Apabila kita kenal nilai danerti maknanya kita sebagai manusia, kita akan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada ketuhanan, sesama manusia dan makhluk Allah yang lain.

Apabila kita kenal nilai danerti maknanya kita sebagai manusia, kita akan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada ketuhanan, sesama manusia dan makhluk Allah yang lain.

Apabila kita kenal nilai danerti maknanya kita sebagai manusia, kita akan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada ketuhanan, sesama manusia dan makhluk Allah yang lain.

